



Hab Serantau Vinda SEA baharu serba canggih

Disember 17, 2022 @ 7:10am

VINDA Asia Tenggara (Vinda SEA), semalam melancarkan Hab Serantau Vinda SEA baharu yang serba canggih dengan keluasan kira-kira 12.14 hektar yang dijangka akan memberikan manfaat dan memenuhi permintaan lebih 25 pasaran negara Asia.

Hab serantau yang terletak di Bandar Bukit Raja itu dibangunkan menggunakan konsep Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) dengan meningkatkan keberkesanan pada setiap peringkat rantai bekalan serta meningkatkan kecekapan dan pada masa sama mengurangkan kos pengeluaran.

Presiden Kumpulan Vinda Asia Tenggara, Su Ting Nee berkata, hab itu merangkumi kilang pembuatan dua tingkat yang menempatkan gudang bahan mentah, gudang barangan siap yang diautomasi, pusat pengedaran, Pusat Inovasi Vinda, serta blok pentadbiran enam tingkat.

"Pelaburan lebih setengah bilion ringgit (RM600 juta) untuk menubuhkan Hab Serantau Vinda SEA ini menjadi mercu tanda komitmen Vinda kepada Malaysia dan negeri Selangor.

"Sebagai rakyat Malaysia, saya bangga dengan sumbangan kepada negara ini. Dengan Hab Serantau Vinda SEA baharu ini, kami juga menjangkakan kapasiti pengeluaran bakal meningkat sebanyak 20 peratus. Pada masa akan datang, kami juga akan membangunkan sebuah lagi tapak seluas 20 ekar (kira-kira lapan hektar).

"Selain itu, pembangunan bakat tempatan diutamakan, dan fasiliti baharu ini kini menempatkan lebih 1,400 kakitangan di mana 99 peratus komuniti tempatan. Justeru, kami mencipta lebih banyak lagi peluang pekerjaan di Malaysia, di samping produk lebih bermutu ke benua Asia," katanya di majlis perasmian hab berkenaan di sini, semalam.

Majlis perasmian itu turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Norazman Ayob dan Timbalan Pengarah, Bahagian Teknologi Makanan dan Industri Berasaskan Sumber di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Umarani Muniady.

Su berkata, hab serantau itu akan memusatkan kepakaran dan aktiviti bernilai tinggi di Malaysia, sekali gus mengukuhkan lagi modal pengetahuan negara.

"Pembangunan ini juga membantu menjadikan Vinda Group lebih berdaya saing di peringkat global, dengan menggunakan teknologi termaju dan terkini yang menampilkan automasi berskala besar dan kecerdasan buatan (AI).

"Vinda SEA juga akan melabur dalam latihan bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan pembekalnya demi memenuhi keperluan teknologi baharu. Dengan lebih ramai lagi tenaga kerja mahir, dalam jangka panjang ia akan memberi manfaat merentasi ekosistem industri FMCG di Malaysia, khususnya dalam sektor produk kebersihan diri," katanya.

Beliau berkata, hab serantau itu bakal membangun, mengeluarkan dan memasarkan tiga kategori produk, iaitu penjagaan bayi, penjagaan inkontinens, dan penjagaan kewanitaan.

"Di Malaysia, Vinda adalah peneraju pasaran yang disegani dalam semua kategori ini. Jenama lampin bayinya Drypers kini menakluki lebih 45 peratus pasaran, sementara jenama tuala wanita Libresse ialah jenama nombor 1 dalam kategori ini," katanya.

Mengulas lanjut katanya, Pusat Inovasi Vinda baharu satu-satunya pusat syarikat itu di luar China dengan fasiliti serba canggih, dilengkapi ramai pakar dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi teknikal, serta pembangunan produk dan bahan.